

BERINTERAKSI DENGAN TEKS MELALUI KAEDAH 'PAS'

Zaimah Binte Mohd Ali
zaimah_mohd_ali@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Bedok Green
Pusat Bahasa Melayu Singapura

Abstrak

Kesukaran memahami teks bagi menjawab soalan kefahaman merupakan masalah yang dihadapi oleh kalangan Darjah 6 di sebuah sekolah rendah di Singapura . Satu kajian telah dijalankan bagi mengatasi masalah ini. Metodologi kajian ini menggunakan strategi *Probable Passage* dan *Anticipation Guides* kerana strategi-strategi ini mampu membantu murid berinteraksi dengan teks kefahaman sebelum menjawab soalan-soalan berbentuk subjektif yang diutarakan. Murid juga dijangkakan dapat menggunakan maklumat yang dicungkil untuk meringkaskan teks. Langkah-langkah ini dikenali sebagai Kaedah 'PAS' (*Probable Passage, Anticipation Guide and Summarization*). Dapatan perbandingan data-data kajian ini yang berbentuk kuantitatif dari ujian prakajian dan pascakajian menunjukkan keberkesanan langkah-langkah Kaedah PAS. Dapatan data kualitatif pula menunjukkan bahawa para murid lebih berkeyakinan untuk menjawab soalan kefahaman subjektif berbentuk inferens, analisis dan sintesis dengan lebih tuntas. Murid juga telah menunjukkan keyakinan dalam menjawab soalan-soalan kefahaman peringkat tinggi setelah melalui proses Kaedah PAS.

Kata Kunci:

Anticipation Guide, Probable passage, Meringkaskan Teks

1. Pengenalan

Membaca merupakan satu kemahiran asas yang penting dalam mempelajari sesuatu perkara baharu atau merungkai sesuatu permasalahan. Tanpa kemahiran membaca, seseorang itu tidak akan mendapat sesuatu maklumat dan keadaan ini boleh menyebabkan seseorang itu tertinggal untuk mendapatkan sebarang manfaat. Menurut Yahya (2005), tujuan membaca adalah bagi memahami teks yang dibaca dan kandungan teks yang dibaca memberi makna kepada pembacanya. Keupayaan membaca merupakan satu kemahiran yang penting. Keupayaan membaca perlu ada pada setiap individu kerana keupayaan kognitif mereka secara tidak langsung akan diaktifkan supaya dapat memproses satu perkara yang baharu semasa membaca. Raminah Hj Sabran dan Rahim Syam (1995) mendefinisikan membaca sebagai aktiviti mentafsir maksud perkataan bagi mendapatkan maklumat. Kefahaman membaca bergantung kepada gabungan dari segi pengetahuan bahasa dan juga keupayaan kognitif.

1.1 Permasalahan Kajian

Di akhir peringkat darjah enam, murid-murid seharusnya dapat membaca teks seperti cerpen, novel, karangan dan puisi (pantun, syair dan sajak) dengan jelas dan betul bagi tujuan pemahaman dan memberikan respons yang sesuai (Sukatan Pelajaran, 2008). Hasil pembelajaran ini dikhususkan lagi:

- 3.2: Membaca dan memahami maklumat yang terdapat dalam pelbagai teks.
- 3.2.1: Membaca dan merujuk pelbagai sumber (bahan cetak dan bukan cetak) untuk mendapatkan maklumat.
- 3.2.2: Membaca dan mengenal pasti isi utama dan isi sampingan daripada teks.

Namun, ramai murid Darjah 6 merungut kerana mereka tidak faham kandungan teks yang dibaca dan ini menyukarkan mereka untuk menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif terutama soalan berbentuk inferens, sintesis dan aplikasi. Dari itu, dalam jangka masa panjang, nampaknya murid-murid kita belum lagi dapat mencapai hasil pembelajaran yang diharapkan seperti yang termaktub di dalam Sukatan Pelajaran 2008.

1.2 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk :

1. meningkatkan peratusan kelulusan dalam pencapaian peperiksaan Bahasa Melayu melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan menyeronokkan melalui Kaedah PAS.
2. Mempersiap murid-murid dengan keupayaan menyelesaikan semua soalan kefahaman dengan yakin .

2. Sorotan Literatur

Menurut Yahya (2005), "Membaca juga memerlukan ketajaman akal fikiran terutama dalam menterjemahkan kandungan teks dengan realiti alam yang dilalui oleh pembaca". Abbas (2006) pula menekankan bahawa pembaca yang cekap merupakan "pembaca yang strategik, bebas dan anjal". Yahya (2005) juga mengupas konsep metakognisi dalam kemahiran membaca sebagai pemprosesan maklumat. Justeru itu, pasukan pengkaji berpendapat bahawa untuk melahirkan pembaca yang aktif, kita harus memahami proses membaca. Juriah Long, Raminah Hj Sabran dan Sofia Hamid (1990) mengemukakan beberapa langkah di bawah subtajuk buku mereka: "Pendekatan Membaca Sebagai Proses Berfikir" di mana mereka mengemukakan enam langkah bagi proses semasa membaca. Langkah-langkah ini adalah:

1. Mengetahui isi-isi penting
2. Menentukan bagaimanakah idea-idea penting dibina
3. Mengetahui pola pemikiran penulis
4. Menghubungkan idea-idea
5. Meramal apa yang berlaku
6. Menghubungkan idea-idea penulis dengan apa yang diketahui

Abbas (2006) juga membentangkan beberapa model dalam proses. Model yang menarik ialah 'Model Membaca Interaktif'. Dengan menggunakan model ini, para pembaca dapat membentuk makna daripada bahan bacaan dengan lebih interaktif. Apa yang dapat kami simpulkan daripada penelitian kajian lepas ini ialah dalam proses membaca, ada beberapa teknik mengajar kefahaman agar pembaca dapat memahami apa yang dibacanya.

Sejajar dengan penelitian terhadap kajian-kajian lepas ini, pasukan pengkaji telah meneliti beberapa kajian lepas tentang strategi pramembaca contohnya kajian yang dijalankan oleh Kei Mihara (2011) sebelum melakarkan strategi yang sesuai untuk pengajaran kefahaman. Mihara telah mengkaji bagaimana strategi pra membaca boleh membantu murid memahami teks dengan lebih baik. Justeru itu, pasukan pengkaji berpendapat, strategi pra membaca merupakan satu langkah penting yang harus dijalankan dan tidak boleh diabaikan.

3. Kaedah Kajian

Dalam membantu murid mencapai kemahiran membaca seperti yang dinyatakan dalam tujuan kajian, pengkaji telah melakarkan beberapa strategi yang dirangkum sebagai Kaedah PAS. Huruf P untuk strategi *Probable Passage*, huruf A untuk strategi *Anticipation Guides* dan huruf S untuk strategi *Summarization*.

Probable Passage merupakan satu strategi yang digunakan sebagai satu aktiviti pra membaca yang mengenalkan murid kepada kosa kata baharu yang akan diajar kepada mereka dan strategi ini dapat menggalak murid untuk terus meneroka kandungan teks tersebut. Strategi ini juga akan mencungkil semangat ingin tahu dalam kalangan murid.

Anticipation Guides pula merupakan satu strategi yang mampu membantu murid meramal, menjangkakan dan mengesahkan apa yang berlaku selanjutnya dalam teks tersebut. Melalui strategi-strategi ini, murid akan dapat mengaitkan maklumat yang diperolehi dengan pengetahuan sedia ada mereka bagi memahami keseluruhan teks ini.

Bagi mengukuhkan pemahaman murid terhadap teks, murid diajar strategi meringkaskan teks yang termasuk strategi mengariskan kekata kunci dan strategi peta minda.. Strategi-strategi ini membantu murid memilih maklumat yang penting dan mengintegrasikan butiran dalam teks dengan berkesan. Strategi-strategi ini boleh membantu murid mengingat apa yang telah mereka baca.. Penggunaan strategi '*anticipation guides*', '*probable passage*' dan strategi meringkaskan teks boleh membantu murid untuk berinteraksi dengan teks kefahaman tersebut sebelum menjawab soalan yang disediakan. Interaksi sebegini amat penting supaya murid benar-benar memahami teks sebelum menjawab soalan-soalan yang disediakan

Pelaksanaan kajian Kaedah PAS ini melibatkan tiga kelas murid Darjah 6 di sebuah sekolah rendah Singapura.. Murid-murid ini disalurkan ke kelas-kelas ini berdasarkan tahap pencapaian Bahasa Melayu Peperiksaan Semestral 2 mereka pada tahun sebelumnya.

Kajian ini terbahagi kepada tiga fasa iaitu, fasa ujian prakajian, fasa pemerhatian dan fasa ujian pascakajian.

3.1 Fasa Ujian Prakajian

Kajian ini dimulakan dengan fasa ujian prakajian. Dalam menjalankan ujian prakajian, murid telah dijarakan dengan strategi-strategi bagi mengenal pasti tahap penguasaan murid terhadap kemahiran membaca bagi mendapatkan maklumat. Ujian prakajian ini, juga membantu pengkaji mengesan kelemahan kemahiran kefahaman membaca dalam kalangan murid. Item dalam ujian prakajian terdiri daripada lima soalan yang berkaitan dengan pemahaman teks bacaan dan empat soalan semantik. Semasa pemerhatian, hanya markah bagi isi sahaja diambil kira.

3.2 Fasa Pemerhatian


Fasa pemerhatian ke atas tingkah laku murid dalam kumpulan sasaran semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan, iaitu sebelum dan selepas kajian. Sebelum kajian dijalankan, para murid diperhatikan kurang memberi perhatian kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang sedang berlangsung. Segala hasil pemerhatian daripada sesi ini telah dicatatkan oleh pengkaji.

3.3 Fasa Ujian Pascakajian

Fasa Ujian Pascakajian dijalankan setelah Kaedah PAS dilaksanakan. Murid sekali lagi menjawab soalan kefahaman subjektif dalam ujian pascakajian. Tujuan ujian pascakajian adalah bagi mengukur sejauh mana keberkesanan Kaedah PAS dalam meningkatkan pemahaman murid terhadap teks yang dibacanya.

4. Dapatan Kajian

Setelah analisis data dilakukan, hasil dari dapatan kajian yang telah dijalankan adalah seperti berikut:



Rajah 3 Taburan Markah PraUjian, Peperiksaan Semestral 1 dan Ujian Pascakajian

Dapatan daripada kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa terdapat perubahan dari segi markah yang berlaku dari ujian pra hingga ke peperiksaan Prelim sebelum murid Darjah 6 menduduki peperiksaan PSLE. Peningkatan dari segi markah dapat dilihat pada murid-murid yang berada dalam Kelas A., Dalam ujian Prakajian, hanya 45% murid dalam kelas itu mendapat lebih daripada 6 markah. Peningkatan sebanyak 22% berlaku pada murid Kelas A apabila markah bagi peperiksaan SA1 meningkat dari 45% kepada 67%. Peningkatan sebanyak 9% berlaku bagi keputusan peperiksaan 'Prelim' iaitu sebanyak 76% murid mendapat lebih daripada 6 markah. Perkara yang sama juga berlaku pada murid-murid dalam Kelas B. Bermula dengan hanya 20% murid yang mendapat lebih daripada 6 markah bagi ujian Prakajian, Setelah menjalani sesi pencelahan, seramai 46.8% murid mendapat lebih daripada 6 markah semasa Ujian SA1 dan peningkatan dari segi peratusan terus berlaku kepada murid dalam Kelas B apabila peratusan meningkat kepada 50% bagi peperiksaan Prelim. Walau

bagaimanapun, murid-murid dalam Kelas C tidak menunjukkan perubahan yang ketara dan memberangsangkan. Semasa ujian Prakajian dijalankan, tiada seorang pun murid yang berjaya mendapat lebih daripada 6 markah iaitu 0%. Peningkatan sebanyak 4.4% semasa ujian SA1 menunjukkan terdapat perubahan yang kecil dalam kalangan murid dalam kelas ini yang mendapat lebih daripada 6 markah dalam komponen ini. Tiada peningkatan dari segi peratusan murid yang mendapat lebih daripada 6 markah bagi komponen ini bagi peperiksaan 'Prelim'.

5. Perbincangan

Dapatan dari kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tujuan kajian ini dijalankan telah tercapai. Begitu juga dengan persoalan-persoalan kajian yang ingin dijawab. Penggunaan Kaedah PAS terbukti dapat meningkatkan penguasaan murid terhadap pemahaman bacaan untuk mendapatkan maklumat. Hal ini dapat dikukuhkan dan dibuktikan lagi dengan perbandingan keputusan ujian prakajian dan ujian pascakajian yang telah dijalankan dalam kumpulan sasaran. Data perbandingan menunjukkan peningkatan yang baik dan memuaskan. Walau bagaimanapun, peningkatan peratusan yang kecil dalam kelas C, merupakan satu isyarat bahawa banyak lagi perkara yang boleh dilakukan. Di samping itu, hasil dapatan kajian bukan sahaja menunjukkan bahawa Kaedah PAS telah membantu murid meningkatkan tahap kefahaman tetapi mereka juga lebih berkeyakinan. Pengkaji juga mendapati suasana pengajaran dan pembelajaran lebih ceria dan bersemangat. Tambahan pula, murid juga memberi respons yang memuaskan kepada guru dan secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan guru.

Hasil kajian juga mendapati bahawa kaedah ini dapat membantu murid menambah perbendaharaan kata mereka. Penambahan perbendaharaan kata boleh juga membantu murid-murid dalam bidang-bidang lain terutamanya dalam penulisan karangan. Kaedah latih tubi yang melibatkan bacaan mekanis juga dapat membantu murid-murid menguasai kemahiran membaca mekanis dan ini sekali gus dapat membantu murid-murid melancarkan bacaan mereka..

6 Rumusan

Kelemahan murid menguasai kemahiran membaca boleh menjejaskan potensi serta motivasi dalam menguasai pelbagai kemahiran lain dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Faktor guru yang berketerampilan serta berkeupayaan menyerap kaedah, teknik dan aktiviti semasa serta menstrukturkan tahap pembelajaran supaya menjadi satu set binaan pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan inovatif dapat memberikan kesan positif dan bermakna. kepada murid.

Kaedah PAS ini juga boleh digunakan dalam kelas-kelas di peringkat lebih rendah bagi meningkatkan pemahaman bacaan dan sekaligus dapat membantu murid-murid untuk menjawab soalan kefahaman dengan baik

Rujukan:

Abbas Bin Mohd Shariff, Ph.D. (2006). Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa, Singapura: Alfa Media.

Azizah Shaik Abdul Kadir, Nurisham Ismail, Rasidah Ahmad, Taufek Siniwi. (2012). Strategi CPA dalam Pengajaran Kefahaman dalam Kecekapan Berbahasa dan Penghayatan Nilai dalam Pendidikan Abad ke-21 in the Seminar Bahasa Melayu 2012(pp 402-412). Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura dan Unit Bahasa Melayu Kementerian Pendidikan Singapura

Huraian Sukatan Pelajaran Melayu 2008 Darjah 5 dan 6 Mekar. (2007). Singapore: Curriculum, Planning and Development Division, Ministry of Education.

Juriah Long, Raminah Hj Sabran dan Sofia Hamid. (1990). Perkaedahan Pengajaran Bahasa Malaysia. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Kamarudin Hj. Husin. (1998). Pedagogi Bahasa. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Raminah Hj Sabran dan Rahim Syam. (1985). Kaedahan Pengajaran Bahasa Malaysia. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Yahya Othman. (2005). Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Sumber Elektronik:

Kei Mihara. (2011). Effects of Pre-Reading Strategies on EFL/ESL Reading Comprehension. TESL Canada Journal, Volume 28, Issue 2, 2011. Retrieved from www.teslcanadajournal.ca

Anticipation Guides. Retrieved March 12 2014, from Reading Rockets website, http://www.readingrockets.org/strategies/anticipation_guide